

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 26.05.2016**

**Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha baru untuk memperbaiki prestasi ekonomi rakyat yang didapati kurang memuaskan berbanding prestasi ekonomi modal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mempelbagaikan usaha bagi mencapai matlamat negara dalam menuju ke arah ekonomi maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Usaha-usaha yang sedang dan akan dijalankan tidak hanya bertumpu dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara malahan pelbagai usaha turut dijalankan bagi meningkatkan ekonomi

rakyat. Usaha-usaha ini termasuk perancangan jangka masa pendek melalui Bajet tahunan serta perancangan jangka masa panjang melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang mana dapat memastikan rakyat tidak terpinggir dari arus pembangunan negara.

Untuk makluman Ahli-ahli yang berhormat,

2. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan dan Kemudahan Asas oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, median pendapatan bulanan isi rumah mencatat peningkatan tahunan sebanyak 11.7% kepada RM4,585 pada 2014 berbanding RM3,626 pada 2012. Sementara itu, purata pendapatan bulanan turut berkembang 10.3% kepada RM6,141 daripada RM5,000 dalam tempoh yang sama sejajar dengan perkembangan ekonomi negara. Mengikut Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dari segi Kaedah Pendapatan pula, sumbangan pampasan pekerja kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2015 meningkat kepada 34.9% berbanding 31.5% pada tahun 2010. Peningkatan sumbangan ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan bagi meningkatkan sumbangan pampasan pekerja sekurang-kurangnya sebanyak 40% menjelang 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Melalui Bajet 2016 yang dibentangkan pada Oktober 2015, Kerajaan telah menggariskan lima keutamaan bagi memperkukuh ekonomi negara dan memastikan kesejahteraan rakyat. Lima keutamaan ini ialah memperteguh ketahanan ekonomi negara, meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau, mempersiapkan modal insan, memperkasa agenda bumiputera, meringankan kos sara hidup rakyat. Melalui keutamaan ini terdapat pelbagai inisiatif Kerajaan sama ada secara langsung atau tidak langsung yang akan menyokong dan membantu meningkatkan ekonomi rakyat. Antara inisiatif yang diberikan termasuk:

a) Keutamaan pertama:

- mempergiatkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
  - tambahan RM1 bilion bagi Skim Dana Pembiayaan PKS Patuh Syariah dengan Kerajaan menanggung dua peratus daripada kadar keuntungan pembiayaan;
  - RM107 juta ringgit untuk Pelan Induk PKS bagi pemberian dana di pelbagai peringkat perniagaan;
  - RM60 juta ringgit untuk Skim Anjakan Usahawan dan Skim Peningkatan Kapasiti serta Keupayaan PKS;
  - menubuhkan dana pinjaman mudah SME Technology Transformation Fund;

- memperuntukkan sejumlah RM200 juta di bawah SME Bank pada kadar faedah empat peratus; dan
- RM18 juta untuk memperluas Projek Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR, dan Projek Automative Workshop Modernisation atau ATOM.

b) Keutamaan kedua:

- melonjakkan Inovasi dan Keusahawanan

Tahun 2016 diisytiharkan sebagai tahun Pengkomersilan Malaysia dalam melonjakkan hasil produk R&D oleh institusi penyelidikan tempatan. Inisiatif yang diberikan termasuk:

- PKS yang membuat perbelanjaan untuk projek R&D sehingga RM50 ribu bagi setiap tahun taksiran layak menuntut potongan cukai dua kali secara automatik. Kemudahan ini diberikan bagi tahun taksiran 2016 sehingga 2018;
- RM35 juta kepada MaGIC sebagai Peneraju Hab Keusahawanan dan Inovasi Serantau, termasuk RM10 juta sebagai dana permulaan untuk *Corporate Entrepreneurs Responsibility Fund*;
- RM30 juta untuk pelbagai program keusahawanan generasi muda seperti Global Entrepreneurship Community, BAHTERA, GREAT, 1MET, National Innovation Competition serta Projek Perintis Coding di sekolah; dan
- bagi menggiatkan aktiviti *demand driven innovation*, Kerajaan

akan memperuntukkan RM50 juta untuk Public-Private Research Network.

c) Keutamaan ketiga:

- memantapkan kualiti pendidikan Malaysia;
- meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris;
- memantapkan pendidikan tinggi;
- mentransformasi latihan teknikal dan vokasional;
- memperkasa belia, komuniti dan NGO; dan
- memperhebat pembangunan Sabah dan Sarawak.

d) Keutamaan keempat:

- memperkasa bumiputera dengan menyediakan peruntukan kepada TERAJU, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera untuk melaksanakan pelbagai program keusahawanan; dan
- memantapkan pemilikan ekuiti serta memperhebat keusahawanan dan perniagaan Bumiputera dengan member peruntukan kepada Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Pelaburan Hartanah Berhad dan UDA Holdings untuk tujuan pembangunan Kampung Baru Kuala Lumpur.

e) Keutamaan kelima:

- meningkatkan taraf hidup isi rumah B40;
- bantuan bagi pesawah, pekebun kecil dan penoreh getah;
- bantuan rakyat 1Malaysia (BR1M);
- menambah baik gaji minimum; dan
- peruntukan sebanyak RM90 juta untuk Program Pembangunan Agropreneur Muda, Dana Pembiayaan Usahawan, penjenamaan semula MARDI, Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan serta pelaksanaan Projek Ladang Pengganda untuk penternakan lembu dan ladang ayam kampung.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Melalui pengubahsuaian Bajet 2016 yang diumumkan pada Januari 2016, Kerajaan turut menyediakan pelbagai inisiatif bagi menyokong pertumbuhan ekonomi rakyat. Antara langkah yang diumumkan semasa pengubahsuaian Bajet 2016 termasuk menyediakan peruntukan bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran menerusi inisiatif 'reskill' dan 'upskill'.

5. Selain itu, di bawah pelan jangka panjang RMKe-11, Kerajaan juga menyediakan rancangan pembangunan bagi memastikan ekonomi rakyat terus meningkat. Di bawah RMKe-11, Kerajaan telah

memperkenalkan enam teras yang sangat penting bagi menjayakan matlamat negara menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Antara teras strategik yang menyentuh usaha bagi memastikan ekonomi rakyat terus meningkat adalah:

a) Teras pertama: memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama

- memberi tumpuan dan sokongan berasaskan *outcome* dan produktiviti merangkumi isi rumah berpendapatan 40% terendah termasuk menyediakan program keusahawanan, latihan kemahiran serta penggunaan teknologi.

b) Teras ketiga: meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju

- memberi keutamaan kepada pelaburan dalam aktiviti berintensifkan pengetahuan bagi menjana pekerjaan berkemahiran tinggi dan meningkatkan produktiviti;
- memperkenalkan Indeks Gaji National dan memperluaskan Sistem Gaji berasaskan Produktiviti bagi memastikan penetapan gaji yang adil; dan
- menguatkuasakan pematuhan kepada pelaksanaan gaji minimum.

c) Teras keenam: merekayasa pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kemakmuran.

- memudahkan prosedur untuk menubuhkan, bekerjasama meningkatkan produktiviti dan memudahkan akses pembiayaan kepada PKS bagi melahirkan lebih banyak usahawan tempatan yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Berdasarkan usaha-usaha dan inisiatif tersebut, Kerajaan yakin ianya akan memantapkan lagi ekonomi rakyat seiring dengan pertumbuhan ekonomi modal serta menjamin kesejahteraan rakyat yang berterusan.